

Pidato tragedi pesawat bawa tuah

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
bhvarsiti@bh.com.my

Putrajaya

Idea saat akhir dengan memasukkan kisah tragedi hitam yang melanda negara, insiden pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 dan MH17 dalam teks pidatonya berjaya membawa tuah kepada wakil negara,

Mohd Akmal Aizat Umar, 23, apabila dinobatkan sebagai juara kategori Alam Melayu, Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2015 (PABM 2015), baru-baru ini.

Gaya bersahaja dan penyampaian pidato bertena- naga bertajuk 'Keamanan: Sakitnya di Mana?' pada pertandingan itu terbukti berjaya menambat hati juri profesional dan memukau khalayak dewan.

Kejayaan itu melayakkan pelajar jurusan Ijazah Teknologi Maklumat dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) itu membawa pulang wang tunai USD7,000 (RM27,462), Piala Perdana Menteri, sijil dan hadiah.

Isu semasa

Anak ketiga daripada empat beradik itu berke- ta, pengisian teks dalam pidato amat penting yang mana perlu menyentuh isu

semasa dan memberi kesan kepada sesiapa saja.

"Apa yang penting pengisian, bukan hanya seka- dar cakap berdegar tetapi kosong, tidak berisi.

"Tragedi dua pesawat berkenaan bukan saja dirasa- sai rakyat Malaysia tetapi turut menarik perhatian masyarakat dunia dan disebabkan itu, timbul idea menggunakannya untuk menimbulkan kesedaran bahawa keamanan sangat penting bagi menjamin



Mahmoud Abdel Fattah (kiri), Mohd Akmal Aizat (tengah) dan Joshua Profitt (kanan) menjulang piala masing-masing selepas muncul pemenang kategori masing-masing pada Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2015.

kesejahteraan dunia," katanya ketika ditemui selepas pertandingan itu.

Sementara itu, juara kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia (PAM), Mahmoud Abdel Fattah Ibrahim Essa (Mesir), 35, dari UIAM, berkata beliau tidak pernah menyangka akan merangkul kejayaan berkenaan.

"Saya mendalami bahasa Melayu bagi memudahkan saya mengajar bahasa Arab kepada pelajar Melayu di sini. Jadi saya harap niat murni itu diresutai dan terus dapat mendalami bahasa yang indah ini," katanya.

UPM naib juara

Naib juara bagi kategori Alam Melayu dimenangi wakil negara, Janise Then Siaw Lian, 23, dan tempat ketiga oleh Awabeen Samsuding.

Naib juara dan pemenang tempat ketiga masing-masing

menerima wang tunai USD5,000 (RM19,616) dan AS\$3,000 (RM11,769), piala dan hadiah iringan beserta sijil.

Bagi kategori PAM, naib juara dimenangi wakil dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Waleed Basil Mohammed Ali (Iraq) dan ketiga dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Maher GM Abdol Rasol (Libya).

Manakala, bagi kategori Antarabangsa, peserta United Kingdom, Joshua Parfitt, 22, dinobatkan sebagai johan; naib johan, Emma Cecilia Roberts (Australia) dan ketiga Wyatt Evan Gordon (Amerika Syarikat).

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zaini Ujang.



Idris (tiga dari kanan) bermesra dengan sebahagian daripada pemenang pertandingan, sambil diperhatikan Zaini (kanan).